



KENYATAAN AKHBAR YB TIMBALAN MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PROGRAM “BICARA HATI” SEMPENA SAMBUTAN MINGGU KESEDARAN PENDERMAAN ORGAN PERINGKAT KEBANGSAAN 2011

23 OKTOBER 2011/ 25 Zulkaedah 1432

1. Program Bicara Hati ini diadakan bertujuan menghargai pengorbanan serta ketabahan keluarga penderma organ kadaverik (penderma yang telah meninggal dunia). Di saat meratapi pemergian orang yang tersayang, ada juga insan yang berhati mulia yang sanggup memikirkan kepentingan dan keperluan orang lain yang masih mempunyai harapan untuk terus hidup. Kementerian Kesihatan amat mengagumi semangat **“Wira-wira Masyarakat”** ini dan berharap semua rakyat Malaysia dapat mencontohi pengorbanan mereka.
2. Buat masa ini (sehingga 30 September), jumlah rakyat Malaysia **sedang menunggu** untuk mendapatkan organ adalah 14,037 orang, dan kebanyakannya adalah pesakit buah pinggang. Jumlah ini semakin meningkat. Walau bagaimanapun, **jumlah penderma organ dan tisu kadaverik** (penderma yang telah meninggal dunia) adalah 342 orang (sehingga 30 September 2011) di mana 59% adalah dari kaum Cina, 26% dari kaum India, 5% dari kaum Melayu dan 10% dari lain-lain kaum. Jumlah penderma kadaverik di Malaysia adalah antara yang terendah iaitu sekitar 0.636 penderma bagi setiap juta penduduk Malaysia, berdasarkan kepada perangkaan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).
3. Jumlah rakyat Malaysia yang telah **berdaftar sebagai pengikrar** penderma organ secara amnya juga telah meningkat. Buat masa ini (sehingga 30 September 2011), 181,534 rakyat Malaysia telah berdaftar di mana 55% adalah dari kaum Cina, 24% dari kaum India, 18% dari kaum Melayu dan 3% dari lain-lain kaum. Walau bagaimanapun, jumlah ini hanya mewakili 0.63% dari keseluruhan rakyat Malaysia dan ia perlu dipertingkatkan lagi.
4. Sebagaimana yang telah diumumkan oleh YB Menteri Kesihatan Malaysia pada 16 Oktober 2011 yang lepas, Kementerian Kesihatan Kementerian Kesihatan **tidak menggalakkan rakyat Malaysia** untuk pergi ke luar negara untuk mendapatkan

organ secara komersial. Ini kerana aktiviti pemerdagangan organ yang melibatkan eksploitasi golongan miskin dan tahanan penjara adalah bercanggah dengan etika perubatan dan nilai-nilai kemanusiaan. Bermula pada bulan Januari tahun 2012, mana-mana rakyat Malaysia yang menjalankan pembedahan transplan organ di luar negara secara komersial tidak akan dibekalkan dengan ubat anti-penolakan atau *immunosuppressant* secara percuma oleh pihak Kerajaan. Hanya pesakit yang menjalani pembedahan di dalam negara akan dibekalkan dengan ubat tersebut.

5. Justeru itu, Kementerian Kesihatan Malaysia menyarankan agar lebih ramai rakyat tampil untuk mengetahui lebih lanjut mengenai pendermaan organ serta berdaftar sebagai pengikrar penderma organ. Kementerian juga menasihatkan rakyat Malaysia yang telah berdaftar agar dapat memaklumkan kepada ahli keluarga dan juga kenalan rapat agar hasrat untuk menderma organ dapat ditunaikan kelak.
6. Kementerian Kesihatan Malaysia juga menyeru lebih banyak agensi-agensi kerajaan, badan-badan bukan kerajaan, badan-badan korperat, media dan juga professional perubatan sama ada di sektor awam atau swasta untuk bersama-sama membantu Kementerian mempromosikan pendermaan organ di negara ini.

"Satu Malaysia Satu Harapan, Dermalah Organ Demi Kehidupan"

Datuk Rosnah Binti Abdul Rashid Shirlin

**KENYATAAN AKHBAR YB TIMBALAN MENTERI KESIHATAN MALAYSIA:
PROGRAM "BICARA HATI" SEMPENA SAMBUTAN MINGGU KESEDARAN
PENDERMAAN ORGAN PERINGKAT KEBANGSAAN 2011**

23 OKTOBER 2011/ 25 Zulkaedah 1432

**MAKLUMAT TAMBAHAN MENGENAI PENDERMAAN DAN TRANSPLANTASI
ORGAN DI MALAYSIA**

1. Setakat 30 September 2011, jumlah rakyat Malaysia yang telah **berikrar** untuk menderma organ selepas kematian adalah **181,534** orang mewakili hanya 0.63% dari jumlah keseluruhan rakyat Malaysia. Pecahan mengikut kaum adalah:
 - a. Cina : 100,370 (55.29%)
 - b. India : 44,028 (24.25%)
 - c. Melayu : 32,023 (17.64%)
 - d. Lain-lain : 5,113 (2.82%)
2. Setakat 30 September 2011, jumlah **penderma** organ dan tisu kadaverik (penderma selepas kematian) adalah **342** orang dengan pecahan seperti berikut:
 - a. Cina : 202 orang (59.07%)
 - b. India : 89 orang (26.02%)
 - c. Melayu : 18 orang (5.26%)
 - d. Lain-lain : 33 orang (9.65%)
3. Untuk tahun 2011 sahaja (Januari hingga September 2011), jumlah penderma organ dan tisu kadaverik (selepas kematian) adalah seramai 33 orang dengan pecahan seperti berikut:
 - a. Cina : 23 orang (69.70%)
 - b. India : 8 orang (24.24%)
 - c. Melayu : 1 orang (3.03%)
 - d. Lain-lain : 1 orang (3.03%)
4. Berdasarkan kepada "Global Observatory on Donation and Transplantation, World Health Organization", kadar pendermaan organ kadaverik (selepas kematian) di

Malaysia adalah 0.636 pendermaan bagi setiap juta penduduk. Kadar pendermaan ini adalah rendah berbanding negara lain:

- a. Spain : 34.35 pendermaan bagi setiap juta penduduk
- b. US : 25.49 pendermaan bagi setiap juta penduduk
- c. UK : 15.07 pendermaan bagi setiap juta penduduk
- d. Australia : 11.33 pendermaan bagi setiap juta penduduk
- e. Singapore: 5.00 pendermaan bagi setiap juta penduduk

5. Walau bagaimanapun, jumlah pendermaan organ dan tisu kadaverik di Malaysia telah menunjukkan **peningkatan** berbanding tahun-tahun sebelumnya:

- a. Tahun 2005 : 13 orang
- b. Tahun 2006 : 25 orang
- c. Tahun 2007 : 25 orang
- d. Tahun 2008 : 26 orang
- e. Tahun 2009 : 39 orang
- f. Tahun 2010 : 38 orang

6. Jumlah pesakit yang sedang **menunggu** untuk mendapatkan organ di Malaysia adalah 14,037 orang dengan pecahan seperti berikut:

- a. Buah pinggang : 14,013 orang
- b. Hati (Liver) : 17 orang (8 dewasa, 9 kanak-kanak)
- c. Jantung : 2 orang
- d. Paru-paru : 3 orang
- e. Jantung & paru-paru : 2 orang

7. Sejak tahun 1975 hingga 30 September 2011, Malaysia telah menjalankan sebanyak **1,589 pembedahan transplan organ** dengan pecahan seperti berikut:

- a. Buah pinggang : 1,458 pembedahan
(359 dari penderma kadaverik, 1,099 dari penderma hidup)
- b. Hati : 101 pembedahan
(32 dari penderma kadaverik, 69 dari penderma hidup)
- c. Jantung : 22 pembedahan
- d. Paru-paru : 5 pembedahan
- e. Jantung dan paru-paru : 3 pembedahan